

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 13 MEI 2016 (JUMAAT)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	MOSTI kenal pasti 150 PPU bagi 25 Institut Penyelidikan seluruh negara	BERNAMA
2.	Work on MPAS' RM2.2 billion phosphate complex to start in 2018	BERNAMA
3.	MOSTI identifies 150 KPIs for 25 research institutes nationwide	BERNAMA
4.	Cloud seeding still on despite the rain	The Star
5.	Siap sedia hadapi kemungkinan	Berita Harian
6.	Firefighters gearing up for floods	Malay Mail
7.	More rainfall and thunderstorms in the afternoons, says Met Dept	Malay Mail
8.	Water woes continue despite downpour	Malay Mail
9.	BiotechCorp aims to boost Malaysia's bioeconomy	New Straits Times



## Mosti Kenal Pasti 150 PPU Bagi 25 Institut Penyelidikan Seluruh Negara

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti)** telah mengenal pasti 150 petunjuk prestasi utama (PPU) bagi 25 institusi penyelidikan di seluruh negara untuk mempercepatkan inovasi dan reka cipta baharu.

Menterinya **Datuk Seri Madius Tangau** berkata setiap institut penyelidikan diberikan minimum lima PPU untuk dilaksanakan sehingga akhir tahun.

PPU itu, katanya, sejajar dengan objektif yang digariskan dalam Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016, dianjurkan bersama oleh Mosti dan Kementerian Kewangan.

"Sepanjang tahun, (mana-mana) inovasi dan reka cipta menarik akan diumumkan dan pengkomersialannya akan dipermudahkan," katanya pada sidang akhbar selepas pelancaran Pameran Reka Cipta dan Inovasi Antarabangsa Ke-27 (ITEX 2016), di sini, hari ini.

Pameran itu yang dianjurkan oleh Malaysian Invention and Design Society, menampilkan 1,000 reka cipta daripada peserta dari 22 negara termasuk China, Jerman, Indonesia, Iraq, Korea selatan, Poland, Russia dan Arab Saudi.

Mengenai rumusan pelan hala tuju bakat, Madius berkata pada mesyuarat sulung Majlis Sains Negara (NSC) baru-baru ini, diputuskan bahawa negara berdepan cabaran besar memandangkan bilangan pelajar yang mengambil jurusan sains semakin merosot.

Jumlahnya kini hanya 20 peratus berbanding sasaran negara untuk mencapai 40 hingga 60 peratus.

"NSC memutuskan satu strategi perlu dirangka (menerusi pelan hala tuju) dan Mosti dipertanggungjawabkan untuk mengetuai kerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi," kata Madius.

Beliau berkata pelan hala tuju itu pada dasarnya akan mencari jalan untuk menggalakkan pelajar, pendidik, guru besar dan ibu bapa menguasai sains dan matematik, dengan harapan pelan itu akan dapat dibentangkan pada mesyuarat NSC yang berikutnya.

Dalam menangani pendidikan sains yang dianggap sebagai mata pelajaran yang sukar

dikuasai, Mosti bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan akan memperkenalkan metodologi pembelajaran baharu yang berasaskan penyelidikan dan menggabungkan banyak aktiviti.

"Bermula daripada peringkat tadika hingga ke universiti, pembelajaran akan lebih menumpukan kepada teori dan mengurangkan syarahan, dan membanyakkan amali," katanya.

Menurutnya, metodologi pembelajaran itu dihasilkan oleh pemenang hadiah French Nobel Laureate.

Beliau berkata metodologi itu telah menjalani ujian di lima sekolah rendah di Kuala Lumpur dan juga dilaksanakan di sekolah terpilih di Sabah, Kedah dan Terengganu.

"Sekolah yang mencatatkan prestasi rendah juga ditanda aras berbanding sekolah yang mencatatkan prestasi cemerlang. Keputusan awal menunjukkan menerusi metodologi pembelajaran baharu itu, sekolah yang mencatatkan prestasi rendah mencatatkan keputusan lebih baik berbanding sekolah cemerlang.

"Dengan metodologi itu, kami berharap kami dapat meningkatkan bilangan pelajar yang mengambil jurusan sains," kata Madius.

ITEX 2016, yang berlangsung 12-14 Mei di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur terbuka kepada orang ramai.

-- BERNAMA

